

Headline	Bimbingan kerjaya BH-TaHa di USIM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	511 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh BH Varsiti bh varsitkwbh.com. my	AdValue	RM 17,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,900



# Bimbingan kerjaya BH-TaHa@U di USIM

Oleh BH Varsiti  
bhvarsiti@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

**S**ebanyak lapan syarikat ternama hadir untuk mengadakan sesi temu duga mengambil sempena program Bimbingan Kerjaya Taha@U-BH di Universiti Sains Malaysia (USIM), baru-baru ini.

Antara wakil syarikat yang hadir ialah 7 Eleven Malaysia Sdn Bhd, Recron (Malaysia) Sdn Bhd, Careglove Global Sdn Bhd, Mayangsari Marketing Sdn Bhd, Etiqa Takaful Berhad, Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd, Nilai Springs Resort Sdn Bhd dan Mydin Mohamed Holdings Bhd.

Program anjuran BH dan Tabung Haji (TH) yang mendapat kerjasama Jabatan Tenaga Kerja serta Jobs Malaysia itu disertai lebih 500 pelajar universiti berkenaan bermula jam 8.30 pagi hingga 5 petang dengan memabatkan pelbagai aktiviti.

Pengurus Besar (Khidmat Pelanggan) TH, Mohammad

Saimi Mat Som, berkata program itu diharap dapat memberi panduan kepada bakal graduan mengenai pentingnya perancangan kerjaya sebelum tamat pengajian.

“Program hari ini memabatkan pelbagai aktiviti antaranya ceramah oleh mempersiapkan diri dalam proses mencari kerja, temu duga bersama-sama majikan dan motivasi bersama penceramah terkemuka.

#### Panduan bermanfaat

“Selain itu, bagi pihak TH kami membantu mahasiswa mempersiapkan diri dari segi fizikal, mental, ilmu serta keyakinan diri sebelum mengharungi dunia pekerjaan. Program ini juga diharap memberi pemahaman kepada pelajar mengenai prospek kerjaya berdasarkan bidang pengajian, panduan serta alternatif mengenai kerjaya yang bakal ditempuhi,” katanya.

Yang turut hadir ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim

Ahmad serta Penolong Pengarang Pendidikan BH, Feroz Abu Bakar.

Program yang diisi pelbagai aktiviti dan maklumat penting untuk manfaat pelajar itu turut dimeriahkan dengan penyertaan 30 agensi dan syarikat termasuk TH yang membuka kaunter pendaftaran untuk keahlian Kelab TaHa@U, selain pasar raya besar yang menawarkan peluang kerja dan jualan pelbagai produk.

Turut mendapat sambutan dalam program julung kali diadakan di USIM ialah sesi simulasi temu duga, forum dan ceramah bimbingan keusahawanan serta pengucapan awam oleh personaliti TV3, Ally Iskandar. Bagi bakal graduan yang ingin mengintai peluang perniagaan, jenama penjagaan kecantikan terkenal, Avon turut mengadakan ceramah bertajuk Peluang Kerjaya Bersama Avon.

Sejak dilancarkan 10 April 2010, Kelab TaHa@U menarik penyertaan 300,000 ahli sehingga 30 September lalu. \*

Headline	Bimbingan kerjaya BH-TaHa di USIM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	511 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh BH Varsiti bh varsitkwbh.com. my	AdValue	RM 17,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,900

**PROGRAM HARI INI MEMBABITKAN PELBAGAI AKTIVITI ANTARANYA CERAMAH OLEH MEMPERSIAPKAN DIRI DALAM PROSES Mencari KERJA, TEMU DUGA BERSAMA-SAMA MAJIKAN DAN MOTIVASI"**

**Mohammad Saimi Mat Som,**  
Pengurus Besar  
Khidmat Pelanggan) TH



**Pelajar USIM** mendaftar di kaunter yang dibuka dalam program bimbingan kerjaya anjuran Tabung Haji di USIM Nilai. (FOTO-MOHD AMIN JALIL / STR)



**Kaunter pendaftaran** Kelab TaHa@U mendapat sambutan daripada pelajar USIM.

Headline	Bimbingan kerjaya BH-TaHa di USIM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V15	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	511 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh BH Varsiti bh varsitkwbh.com. my	AdValue	RM 17,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,900



**Sebahagian pelajar** USIM yang menyertai program bimbingan kerjaya Tabung Haji di USIM, Nilai.